02/2
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Oktober 2013
2 Jam

NAMA	
KELAS	

PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2013

BAHASA MELAYU
PMR

Kertas 2

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian :* **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.**

2. **Bahagian A** *terdiri daripada dua bahagian :* **Bahagian A(i)** *dan* **Bahagian A(ii).** *Anda dikehendaki supaya menjawab* **kedua-dua bahagian** *tersebut.* **Bahagian B** *dan* **Bahagian D** *juga mesti dijawab manakala* **Bahagian C** *mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab* **satu** *soalan sahaja.*

3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab* **Bahagian A**, *25 minit untuk* **Bahagian B**, *45 minit untuk* **Bahagian C** *dan 10 minit untuk* **Bahagian D.**

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

Bahagian A(i) – Ringkasan

[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kepentingan bahasa Melayu di Malaysia.** Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

'Bahasa Jiwa Bangsa', itulah frasa yang paling sesuai untuk melambangkan kaitan sesuatu bahasa kepada kaum-kaum di Malaysia. Pelbagai langkah telah diambil dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi melahirkan sebuah rumpun bernama Malaysia. Hal ini dianggap penting kerana negara kita mempunyai masyarakat majmuk.

Bahasa merupakan antara penanda jati diri penting bagi sesuatu bangsa atau negara. Jati diri bahasa dari sudut nasional dapat diwujudkan dan dipamerkan melalui pelbagai cara. Satu daripadanya adalah dengan menjadikan sesuatu bahasa sebagai lambang atau simbol negara. Hal ini dapat dilakukan dengan menjadikan bahasa berkenaan sama ada sebagai bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi.

Bahasa Melayu merupakan bahasa utama bagi negara Malaysia. Bahasa Melayu merupakan **simbol perpaduan** dan penyatuan dalam kalangan rakyat negara ini yang berasal daripada pelbagai bangsa. Bahasa Melayu juga berfungsi sebagai wahana, iaitu bahasa milik bersama yang digunakan untuk tujuan komunikasi dalam kalangan rakyat negara ini. Selain itu, bahasa Melayu merupakan satu-satunya bahasa yang dapat memberikan citra kepada Malaysia sebagai satu unit atau entiti politik dan budaya Melayu.

Kedudukan bahasa Melayu di Malaysia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967. Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan pula termaktub dalam beberapa akta pelajaran, antaranya Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1995. Walaupun bahasa Melayu menduduki hierarki tertinggi bahasa di Malaysia, namun bahasa-bahasa lain masih diberikan tempat. Bahasa Mandarin dan bahasa Tamil dibenarkan untuk digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah pada peringkat pendidikan rendah manakala bahasa Inggeris merupakan subjek penting dan wajib pada semua peringkat pendidikan. Kini bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ilmu setara dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama di institusi pengajian tinggi awam atau swasta di negara Malaysia.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana dalam Pelita Bahasa,Februari 2005)

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A (ii)- Pemahaman

[10 markah]

Berdasarkan petikan Bahagian A (i), jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Berikan maksud rangkai kata ***simbol perpaduan.*** [2 markah]

2. Nyatakan bukti yang menunjukkan Bahasa Melayu mendapat perlindungan dan pengiktirafan tertinggi di negara ini. [4 markah]

3. Pada pendapat anda, mengapakah terdapat segelintir rakyat Malaysia tidak suka menggunakan Bahasa Melayu berbanding Bahasa Inggeris? [4 markah]

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan gambar rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **cara-cara mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat**. *Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi* **120 patah perkataan.**



Bahagian C

[40 *markah*]

Pilih ***satu*** *daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya* ***lebih daripada 180 patah perkataan.***

1. Sekolah anda telah mengadakan aktiviti sukan tahunan.
   Ceritakan aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa sukan tahunan sekolah anda berlangsung.

2. Ibu bapa merupakan insan yang disayangi dan dihormati. Sebagai anak, nyatakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan terhadap ibu bapanya.

3. Anda akan menyertai pertandingan syarahan yang diadakan pada peringkat sekolah. Tajuk syarahan yang dipilih ialah 'Kepentingan Memupuk Semangat Kerjasama dalam Masyarakat'.
   Sediakan teks syarahan anda itu selengkapnya.

4. Industri kraf tangan mempunyai potensi yang besar di negara kita meskipun menghadapi pelbagai masalah.
   Huraikan usaha yang perlu dilakukan untuk memajukan industri kraf tangan di negara kita.

5. Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya..

   Peribahasa di atas bermaksud tidak akan tercapai cita-cita jika tidak berusaha.

   Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian D

[10 markah]

*Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1, Tingkatan 2 atau Tingkatan 3.*

PERWATAKAN

(i) Seorang yang tabah. (ii) Seorang yang gigih berusaha. (iii) Seorang yang bertanggungjawab.	(i) Seorang yang tabah. (ii) Seorang yang gigih berusaha. (iii) Seorang yang bertanggungjawab.	(i) Seorang yang tabah. (ii) Seorang yang gigih berusaha. (iii) Seorang yang bertanggungjawab.
Bukan Duniaku Oleh Aida Shahira	**Lestari Bukit Menghijau** Oleh Syed Mahdzir	**Merenang Gelora** Oleh Ruslan Ngah

Berdasarkan **satu** daripada novel di atas, nyatakan **satu** contoh peristiwa bagi setiap perwatakan watak utama dalam novel yang anda kaji.

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah